

11 MAY 2001

Vajpayee-Lawatan

VAJPAYEE TIBA AHAD INI UNTUK LAWATAN EMPAT HARI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee akan membuat lawatan empat hari ke Malaysia mulai Ahad ini.

Beliau akan diiringi Menteri Teknologi Maklumat Pramod Mahajan, Menteri Negara bagi Perdagangan dan Perindustrian, Omar Abdullah dan 135 perwakilan mengandungi pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Ini adalah lawatan pertama Vajpayee ke Malaysia, kata Wisma Putra dalam satu kenyataan hari ini.

Vajpayee akan mengunjungi rakan sejawatnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bertukar-tukar pandangan berhubung kerjasama dua hala, isu-isu antarabangsa dan wilayah yang ada kaitan dengan kedua-dua negara.

Kenyataan itu berkata beberapa perjanjian dan memorandum kerjasama (MoU) berhubung kewangan, teknologi maklumat, perkhidmatan dan pasaran saham dijangka ditandatangani oleh kedua-dua kerajaan semasa lawatan itu.

Sektor swasta kedua-dua negara juga dijangka menandatangani perjanjian dan MoU berhubung teknologi angka lepas, promosi perdagangan dan teknologi tinggi program komputer, kata kenyataan itu.

Semepena lawatan itu, satu forum perniagaan akan diadakan pada hari Selasa di Pusat Dagangan Dunia Putra di mana Vajpayee dijadual memberi ucap tama dan menyertai dialog.

Pada Rabu, Vajpayee akan menyampaikan ucapan bertajuk "India dan Asean: Shared Perspectives" di Hotel Nikko.

-- BERNAMA

AKT ZS ZB